

Kaji punca, cari penyelesaian belia terbabit gejala buang bayi: Rosmah

B/H 26/1/2011 A.

KUANTAN: Kempen kesedaran mengenai gejala pembuangan bayi perlu diberi nafas baru, termasuk mengadakan satu kajian komprehensif bagi menanganai masalah berkenaan.

Berikutan itu, ahli akademik terutama profesor digalakkan menjalankan kajian, termasuk mengumpul perangkaan dan mencari punca sebenar menyebabkan ramai belia terjerumus dalam perlakuan tidak bertanggungjawab berkenaan.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata institusi pengajian tinggi perlu mencari punca dan sebab mengapa belia membuang bayi dan kemudian cari cara untuk atasi masalah itu.

“Jangan kita hanya buat kempen dan bernyanyi saja melalui kempen ‘Kami Prihatin’ tapi perkara ini (buang bayi) tidak selesai juga.

“Kita mempunyai ramai ahli akademik, justeru saya meminta profesor universiti di negara ini untuk menjalankan kajian mengatasi masalah ini,” katanya ketika berucap merasmikan ‘Kempen Kami Prihatin: Apakah Dosaku’ Peringkat Institusi Pengajian Tinggi, di Universiti Malaysia Pahang (UMP)



ROSMAH bertanya sesuatu kepada pelajar OKU, Siti Hawa Apandi selepas Majlis Pelancaran Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku di Universiti Malaysia Pahang di Gambang, semalam.

di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Rosmah berkata, gejala pembuangan bayi tidak boleh diselesaikan dengan kaedah jangka pendek sebaliknya

mencari langkah sesuai yang boleh diambil untuk mengatasinya dengan lebih efektif.

“Masalah ini bukan saja berlaku di Malaysia, banyak negara luar yang saya lawati turut berhadapan dengan masalah sama, contohnya di Oman dan kerajaan negara berkenaan mengambil langkah menanganinya termasuk mewujudkan sebuah kompleks yang menempat-

kan bayi dibuang dan juga ibu-ibu muda.

“Setiap satu rumah di kompleks berkenaan mempunyai lima bayi dan dijaga seorang ibu angkat dan anak tidak berdosa ini dibela dan dididik dengan baik manakala ibu muda pula diajar kehidupan berkeluarga, memasak, membersihkan rumah dengan dipantau ibu angkat berkenaan,” katanya.